

## **Terma dan Syarat ("T&S"): Kempen "Tambah Kad Pulangan Tunai RM50"**

### **TEMPOH KEMPEN**

Kempen "Tambah Kad Pulangan Tunai RM50" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dilancarkan pada 10 September 2019 dan akan berakhir pada 15 November 2019, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini hanya terbuka kepada Pemegang Utama Kad Kredit HLB sedia ada ("Pemegang Kad Yang Layak") yang telah memohon mana-mana Kad Kredit yang layak seperti yang dinyatakan dalam Klause 2 di bawah melalui *Hong Leong Connect Online Banking* dan telah berjaya diluluskan oleh HLB semasa Tempoh Kempen.
2. Kad-Kad Kredit HLB berikut layak dipohon untuk Kempen ini ("Kad Layak"):
  - i) Mastercard Emirates HLB World Elite
  - ii) Mastercard Emirates HLB World
  - iii) Mastercard Emirates HLB Platinum
  - iv) Mastercard GSC Gold
  - v) Mastercard GSC Platinum
  - vi) Visa Essential
  - vii) Visa WISE
  - viii) Visa AirAsia Gold
  - ix) Visa AirAsia Platinum
  - x) Visa GSC Gold
  - xi) Visa GSC Platinum
  - xii) Visa Infinite
  - xiii) Visa Sutera Platinum
  - xiv) Mastercard I'M
  - xv) Mastercard Sutera Platinum
  - xvi) Mastercard Gold
  - xvii) Mastercard The Store & Pacific Platinum
  - xviii) Mastercard The Store & Pacific Gold
3. Pemegang Kad Yang Layak berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - i) Pemegang Kad Yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen;
  - ii) Pemegang Kad Yang Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan kesalahan yang dinyatakan di dalam ini; atau
  - iii) Pemegang Kad Yang Layak yang telah memohon Kad Layak dan/atau Kad Layak diluluskan oleh HLB sebelum atau selepas Tempoh Kempen.

### **MEKANIK KEMPEN**

4. Pemegang Kad Yang Layak yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah, berhak untuk menikmati RM50 Rebah Tunai ("Hadiah") dan yuran tahunan pertama dikecualikan:

- i) Pemegang Kad Yang Layak mesti melakukan Pembelian Runcit (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausus 10 di bawah) dengan jumlah minimum RM100 menggunakan Kad Yang Layak dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad Yang Layak itu.
5. Pemegang Kad Yang Layak yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausus 4 (i) ("Pemegang Kad Yang Berjaya") akan layak untuk menerima Hadiah dan menikmati pengecualian yuran tahunan pertama (kad layak terpilih)
- Hadiah dihadkan kepada RM50 bagi setiap Kad Layak dan setiap Pemegang Kad Yang Berjaya sepanjang Tempoh Kempen.
6. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Yang Layak boleh memohon lebih daripada satu (1) Kad Layak semasa Tempoh Kempen ini tetapi hanya akan berhak menerima satu (1) Hadiah.
7. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang utama Pemegang Kad Yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan dari tamat Tempoh Kempen.
8. Sekiranya Hadiah tidak diterima, Pemegang Kad Yang Berjaya bertanggungjawab untuk memaklum kepada HLB dalam bulan yang ke-3 dan ke-4 dari tamat Tempoh Kempen, dan jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad Yang Berjaya dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang rayuan untuk pembayaran balik Hadiah tersebut tidak akan dilayan.
9. Hadiah tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau hadiah secara berbentuk.
10. "Pembelian Runcit" merujuk kepada sebarang urusniaga pembelian yang dibuat di dalam dan di luar negara, termasuk urus niaga dalam talian yang dicajkan kepada Kad Layak semasa Tempoh Kempen tetapi tidak termasuk transaksi seperti berikut:
- a) Urusniaga tunai (contoh: pertaruhan dalam talian dan / atau transaksi judi);
  - b) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh HLB;
  - c) Arahan Tetap / perkhidmatan berulang dan pembayaran automatik;
  - d) Sebarang transaksi untuk pembayaran yang dilaksanakan melalui internet untuk Premium Insurans / Takaful, Bil Utiliti, Perkhidmatan Kerajaan dan Jompay;
  - e) Urusniaga untuk bayaran yang dibuat ke atas Pesanan Mel dan Pesanan Telefon (MOTO); dan
  - f) Transaksi tunai / pengeluaran / deposit tunai, Call-For-Cash/Plus, Pindahan Baki (Balance Transfer), Pelan Pembayaran Flexi (Flexi Payment Plan), pemindahan dana, pembalikan (reversal), yuran dan / atau caj yang dikenakan oleh HLB dan dimasukkan ke dalam akaun Kad Layak
11. HLB berhak untuk:
- a) menentukan Pembelian Runcit yang layak dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak dengan apa jua cara;
  - b) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Yang Layak daripada menyertai Kempen ini atas budi bicara tunggal dan mutlaknya ;
  - c) melucutkan Hadiah sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada T&S di sini; dan
  - d) menambah, menggugurkan , menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya ("Variasi"), atau untuk menamatkan Kempen ini ("Penamatian"), mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis awal kepada

Pemegang Kad Layak mengenai Perubahan Kempen ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan cara lain yang dianggap praktikal & sesuai oleh HLB.

**UMUM**

12. Dengan menyertai kempen ini, Pemegang Kad Yang Layak / Pemegang Kad Yang Berjaya bersetuju:
  - a) kepada terma dan syarat Kad Yang Layak;
  - b) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini;
  - c) bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan melalui sistem HLB untuk Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - d) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Yang Layak dan Pemegang Kad Yang Berjaya dan tiada rayuan dan / atau surat-menyurat selanjutnya akan dilayan;
  - e) untuk melayari laman web di [www.hlb.com.my/add50](http://www.hlb.com.my/add50) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
  - f) bahawa telah membaca, memahami dan diikat oleh Notis Privasi HLB, yang tersedia di laman web HLB ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my))
  - g) bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau akibatnya, terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan atau apa-apa penderitaan yang dialami oleh Pemegang Kad Layak / Pemegang Kad Yang Berjaya hasil daripada penyertaannya dalam Kempen akibat daripada apa-apa tindakan atau ketinggalan oleh pihak Bank.
13. T&S di sini, Terma dan Syarat Am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan Syarat Kad Yang Layak dan apa-apa terma dan syarat yang berkaitan yang boleh ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa akan dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S dan Terma dan Syarat Am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan Syarat Kad Yang Layak dan T&S khusus di sini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
14. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau bahan berkaitan dengan Kempen ini, T&S terakhir di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.
15. Terma & Syarat di sini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Yang Layak dan Pemegang Kad Yang Berjaya bersetuju untuk menyerah kepada bidang berkuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk lebih daripada seorang dan sebaliknya.